

Himpunan 200 pemimpin universiti Islam

NILAI – Seramai 200 pemimpin tertinggi universiti-universiti negara Islam berhimpun pada Sidang Kemuncak Pemimpin-Pemimpin Universiti Islam Dunia (WICULS 2015) yang diadakan selama dua hari bermula hari ini dan 30 September di Putrajaya Marriott Hotel.

Sultan Perak, Sultan Dr. Nazrin Muizzuddin Shah Ibnu Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfullah turut berkenan mencemar duli menyampaikan ucapan pada hari pertama sidang kemuncak itu berlangsung yang bertajuk "Reclaiming Education in Muslim Universities for the 21st Century".

Pengarah Pusat Antarabangsa, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Alamiyyah, Profesor Dr Roshada Hashim berkata, sidang kemuncak yang bertemakan "Re-writing the narrative: Higher education for the 21st century" tersebut akan membincangkan isu-isu utama berkaitan sistem pendidikan tinggi dalam usaha untuk membangunkan naratif pendidikan baharu bagi mendepani cabaran pengajian tinggi global.

Beliau berkata, WICULS 2015 akan memberi penekanan kepada tiga tunggak utama iaitu kepentingan akses dan ekuiti dalam pendidikan, perkaitan budaya dan etika, dan kelestarian pendidikan bagi universiti Islam dan Ummah di seluruh dunia.

Sidang kemuncak WICULS 2015 berkenaan dianjurkan bersama oleh Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) dan Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT), Kementerian Pendidikan Malaysia.